

Surat khabar: Berita Harian (Sarawak)

Hari/Tarikh: 14/9/2013

Muka surat: 2

Tajuk : IPT Digalak Mohon Geran.

20 SARAWAK

© SABTU 14 SEPTEMBER 2013

BH

IPT digalak mohon geran

» Peruntukan R&D kurang dimanfaatkan sebelum ini

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

► Kota Samarahan

Penyelidik dan institusi pengajian tinggi (IPT) di Sarawak digesa memohon lebih banyak geran bagi melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan (R&D) berikutan peruntukan disediakan sebelum ini kurang dimanfaatkan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin, berkata negeri ini antara yang paling kurang memohon geran berkenaan sedangkan ada banyak potensi R&D boleh diteroka penyelidik di sini, khusus berasaskan sektor pertanian.

Katanya, geran disediakan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) itu tidak hanya terhad kepada penyelidik yang berkhidmat di IPT, malah turut merangkumi individu persendirian atau mana-mana syarikat yang bermi-

“**Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Kerajaan Persekutuan meluluskan 95 projek yang keseluruhannya bernilai RM44.1 juta kepada Sarawak**”

Ewon Ebin,
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi



Ewon bersalam dengan peserta dialog penerima dan pemohon dana Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

[FOTO AZAHAN ROSLI/BH]

nat meningkatkan potensi produk sehingga dapat dikomersialkan.

“Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Kerajaan Persekutuan meluluskan 95 projek yang keseluruhannya bernilai RM44.1 juta kepada Sarawak, dengan RM6.2 juta daripadanya diperuntukkan bagi membiayai 39 program R&D di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

“Bagaimanapun, jumlah itu berkurangan kepada RM2.3 juta membabitkan 15 projek dalam Rancangan Malaysia

Ke-10 (RMKe-10), dengan UNIMAS hanya menerima peruntukan RM1.1 juta bagi melaksanakan enam projek penyelidikan,” katanya pada Sesi Dialog dan Taklimat Dana MOSTI, di sini, semalam.

Hadir sama Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi dan 40 penerima dana kementerian itu yang terdiri daripada penyelidik dan pensyarah kanan universiti terbabit.

Bangun produk

Dr Ewon menjelaskan geran itu diperuntukkan kepada individu yang ada idea atau perancangan membangunkan sesuatu produk dengan mereka digalakkan memohon peruntukan bagi menyokong program R&D.

Katanya, Sarawak kaya de-

ngan kawasan perairan yang mempunyai kepelbagaian sumber biodiversiti seperti spesies ikan, terumbu karang dan laluan migrasi hidupan marin.

Akuakultur berpotensi

“Bidang akuakultur mempunyai potensi bagi dibangunkan selepas kerajaan membantu membangunkan banyak projek berkaitan bersama Pusat Penyelidikan dan Pengeluaran Ikan Pribumi Sarawak.

“UNIMAS juga sebelum ini sudah membuktikan kemampuannya apabila berjaya melaksanakan R&D ke atas sisa buangan sago bagi menghasilkan bahan bakar berasaskan etanol yang berpotensi dibangunkan sebagai sumber tenaga alternatif,” katanya.